

# **SOSIOLOGI ISLAM: SUATU PENGENALAN**

Oleh

Prof. Madya Mohamad Kamil bin Hj. Ab. Majid

## **Abstract**

*Sociology is generally known to be an advanced developed discipline in the west. Nevertheless, we cannot deny the fact that it begins in the Islamic world by prominent figures such as al-Farabi (d. 950 M) and Ibn Khaldun (1406 M). This article exposes the contribution of Muqaddimah Ibn Khaldun which is discusses of sociologies' theories. The existence of these proves that Islamic sociology is 400 years in advance of the western sociology. Nowadays, Islamic sociology has became a study of comparative sociology in sociology.*

## **Pendahuluan**

Sosiologi atau Ilmu Masyarakat adalah satu ilmu yang mengkaji mengenai manusia dalam interaksinya dengan persekitaran yang melingkunginya atau kajian mengenai manusia dalam perhubungan kelompoknya. Skop bidang sosiologi ialah mengkaji interaksi yang berlaku antara manusia dengan manusia lain dan pengaruh-pengaruh manusia, persekitaran dan alam tabi'i dalam mengarahkan interaksi ini. Atas dasar inilah R. Maciver dan Ch. Page (1955) melihat bahawa ilmu sosiologi ialah ilmu yang mementingkan interaksi sosial.<sup>1</sup>

<sup>1</sup>Maciver, R. dan Page, Ch., *Society*, London, 1955; P.V. Cf. Roucek, Joseph S., Warren, Roland L., *Sosiologi Suatu Pengenalan*, terj. Mohammad Haji Yusuf, drp. *Sociology An Introduction*, cet. II, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, 1986, h. 3.

Sosiologi merupakan salah satu sumbangan mutakhir yang diberikan oleh Peradaban Barat kepada intelek manusia. Meskipun kajian mengenai masyarakat sudah lama, namun bidang ini bukan hanya yang paling baru tetapi juga yang paling lengkap di antara semua ilmu-ilmu yang berusaha memahami perilaku manusia.<sup>2</sup> Sosiologi sebagai satu disiplin bertujuan mengkaji interaksi kemanusiaan, meliputi tajuk-tajuk dari pelbagai bidang. Pakar sosiologi amat prihatin terhadap konflik dan persefahaman, persaingan dan kerjasama, organisasi dan perpecahan, penyimpangan dan persesuaian, penyusunan dan perubahan, serta lain-lain proses interaksi kemanusiaan.<sup>3</sup>

Walau bagaimanapun ilmu sosiologi berbeda dengan ilmu-ilmu sains kemanusiaan yang lain biarpun kajiannya juga mengenai manusia seperti ilmu ekonomi, sejarah, psikologi dan psikologi sosial, kerana ilmu-ilmu itu memberi penekanan dan tumpuan bukan pada interaksi semata-mata.<sup>4</sup>

Perkataan *Sociologie* diberikan kepada ilmu masyarakat ini pada sekitar tahun 1830 M. oleh Auguste Comte (1798 - 1857) seorang ahli falsafah Perancis. Kemudian penggunaannya meluas dan dipakai dalam beberapa bahasa termasuk bahasa Inggeris menyebutnya dengan *Sociology*, German *Soziologie* dan Perancis *Sociologia*.<sup>5</sup> Comte berpendapat bahawa sosiologi adalah satu sains kehidupan sosial yang melibatkan kesan tindakbalas manusia sesama sendiri.

---

<sup>2</sup>Ilyas Ba-Yunus dan Farid Ahmad, *Sosiologi Islam & Masyarakat Kontemporer*, terj. drp. *Islamic Sociology: An Introduction*, Penerbit Mizan, Jakarta, 1988, h. 17.

<sup>3</sup>Ilyas Ba-Yunus, "Sosiologi dan Realiti Sosial Umat Islam", dlm. al-Faruqi, I.R & Naseef, A.O., *Sains Sosial Dan Sains Tulen*, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, 1989, h. 29.

<sup>4</sup>Lutfi, Abdul Hamid, '*Ilm al-Ijtima'*, Mesir, 1966, h. 13.

<sup>5</sup>*Ibid.* h. 14., lihat sama, Roucek, Joseph S., & Warren, Roland L., *op.cit.*

Selepas Comte diikuti oleh Herbert Spencer (1820 - 1903) yang dikenali sebagai ahli sosiologi Inggeris yang berjaya mengembangkan sosiologi di Inggeris dan Lester F. Ward (1841 - 1913) terkenal pula sebagai pengembang sosiologi di Amerika Syarikat.

## Pengertian Sosiologi

Menurut Etimologi Sosiologi terdiri daripada dua suku kata:

- *Socius* = hidup bersama
- *Logos* = ilmu pengetahuan

Jadi sosiologi adalah ilmu pengetahuan tentang hidup bersama. Dengan ini ilmu sosiologi adalah sebuah ilmu pengetahuan dalam erti kata suatu pelajaran yang memenuhi semua persyaratan untuk dapat dinamakan ilmu pengetahuan (Logos).<sup>6</sup>

Ramai dari kalangan ahli sosiologi yang mentakrifkan ilmu ini dan di antaranya adalah seperti berikut:

Henry Giddings mentakrifkan: *Sociology is the scientific study of society.*<sup>7</sup> Lester Ward pula mendefinisikan: *Sociology is the science of society.*<sup>8</sup> Sementara itu Edward Ross, mentakrifkan: *Sociology is the science of social phenomena.*<sup>9</sup> Turut memberikan takrif A.W. Small: *Sociology is the science of social process.*<sup>10</sup> Malah beliau juga mengatakan: *Sociology is the study of men considered as affecting or affected by association.*<sup>11</sup>

---

<sup>6</sup>Soedjono D., S.H. *Pengantar Sosiologi*, Penerbit Alumni, Bandung, 1973, h. II.

<sup>7</sup>Giddings, Henry, *Introductive Sociology*, N.Y., 1901, h. 9.

<sup>8</sup>Ward, Lester, *Popular Science Monthly*, June 1902, h. 113.

<sup>9</sup>Ross, Edward, *Foundation of Sociology*, N.Y., 1905, h. 6.

<sup>10</sup>Small, A.W., *General Sociology*, Chicago, 1905, h. 35.

<sup>11</sup>*Ibid.*

J. Lewis G. dan J. Philip G. mentakrif definisi sosiologi dengan: *Sociology is the study of interaction arising from the association living human beings.*<sup>12</sup> R. Maciver dan Ch. Page pula mengatakan: *Sociology is (about) social relationships, the network of relationship we call society.*<sup>13</sup> Sementara itu H.P. Fairchild mengemukakan sosiologi sebagai: *Study of man and his human environment in their relations with each other.*<sup>14</sup> Morris Ginsberg pula mengatakan: *The study of human interactions and interrelations, their conditions and consequences.*<sup>15</sup>

Definisi yang berbagai menunjukkan beberapa perbezaan pendapat dalam memberi makna sosiologi. Ada yang mengatakan ianya sebagai kajian ilmiah tentang masyarakat, atau ilmu masyarakat atau ilmu fenomena sosial, atau kajian tentang manusia dan pengaruhnya terhadap masyarakat atau pengaruh masyarakat terhadapnya, atau kajian mengenai interaksi yang timbul dari perkumpulan manusia, interaksi sosial mereka.

Tetapi definisi Rene Maunier, lebih panjang dan menerangkan arah yang terpenting dari ilmu ini serta cara-cara kajiannya. Kata beliau:

*Sociology is an objective, empirical and theoretical science which searches from the total point of view, human states of mind, behaviour and creation from the stand point of their common traits and regularities in so far as they are originated in the life of people together.*<sup>16</sup>

Takrif terakhir ini mendefinisikan bahawa sosiologi adalah sains yang objektif, empirikal, teoritikal bagi menjelaskan cara-cara kajian

<sup>12</sup>Lewis G., J., dan Philip G., J., *Cultural Sociology*, N.Y., 1954, h. 5.

<sup>13</sup>Maciver, R. dan Page, Ch., *op.cit.*

<sup>14</sup>Fairchild, H.P., *General Sociology*, N.Y., 1932, h. 90.

<sup>15</sup>Ginsberg, Morris, *Sociology*, Oxford, 1949, h. 7.

<sup>16</sup>Maunier, Rene, *Introduction a la Sociologie*, Paris, 1929, terj. Sayyid Badawi, Alexandria, 1949, h. 4.

fenomena sosial. Ia juga menerangkan tentang sikap pengkaji supaya menjauhi pemikiran idealisme dan falsafah sosial atau falsafah sejarah dan politik. Dengan kata lain, objektiviti dalam ilmu masyarakat ini bererti pengkaji tidak boleh cenderung atau taksub dalam pemerhatiannya terhadap fenomena sosial. Ia memberi maksud pengkaji tidak boleh fanatik sama ada kepada keagamaan, politik, kewarganegaraan, kelas masyarakat atau lainnya.

Tentang emperisme, maka masyarakat manusia harus dilihat sebagai objek sains tabi'i, kerana tanpa sikap itu ia menjadi satu jenis falsafah atau falsafah sejarah. Di sini letaknya hubungan yang rapat antara objektiviti dan empirikal. Adapun sifatnya yang teoritikal bermaksud kajian fenomena sosial itu bermatlamat mendapat pengetahuan, kerana bidang praktis menjadi ikhtisas ilmu-ilmu sosial lain yang dikenali sebagai *Social Applied Sciences*.

Marsh (1967), menyatakan dimensi dan lingkungan sosiologi yang ada sekarang dibangunkan di satu pelosok dunia, oleh itu ia mungkin terlalu terhad untuk dianggap sebagai satu peraturan yang universal.<sup>17</sup> Dengan itu teori-teori sosiologi semasa kadangkala sukar menerangkan pelbagai masalah semasa yang dihadapi oleh masyarakat bukan Barat. Justeru teori sosiologi Barat disimpul dari kajian sosiografi. Data-data yang dihasilkan oleh kajian empirikal dianalisa, disimpulkan, akhirnya dirumuskan teori-teori. Jadi teori sosiologi semasa dibina di atas fakta-fakta yang ditemui di dalam masyarakat.

Furfey telah mengkategorikan definisi-definisi sosiologi kepada tujuh kategori iaitu:

1. Kategori terbesar dan juga objek kajian sosiologi (masyarakat)(society), kelompok-kelompok sosial (Social

---

<sup>17</sup>Marsh, Robert M., *Comparative Sociology*, N.Y. 1967, h. 19.

- Groups) atau Kesatuan Organisasi (Organizational entity) lainnya.
2. Kajian mengenai kehidupan kelompok (The life of the group), pengaruh antara anggota-anggota kelompok (inter action among group members) dan tingkah laku anggota dalam situasi kelompok (behaviour in the group situation).
  3. Cantuman hubungan-hubungan sosial (social relationships) atau assosiasi sebagai objek material.
  4. Gejala-gejala sosial (Social Phenomena).
  5. Kenyataan-kenyataan sosial (Social facts).
  6. Definisi bersifat samar-samar.
  7. Definisi-definisi yang sama sekali tidak menyebut objek-objeknya.

Walau apapun unsur-unsur terpenting dari pengklasan itu ialah istilah kelompok dan sistem sosial.

Di sini ada semacam percanggahan yang jelas antara teori sosiologi Barat dengan sosiologi Islam, kerana pada Islam, al-Qur'an dan hadis mengandungi ajaran Islam, termasuk ajaran mengenai sosiologi. Lalu nas-nas itu dianalisa, ditafsir dan disimpulkan. Penjelasan, analisa, tafsiran dan kesimpulan itu membentuk teori-teori iaitu "teori sosiologi Islam". Jadi teori sosiologi Islam dibina atas nas-nas yang merupakan data-data ajaran Islam.<sup>18</sup>

Kajian Barat mengambil data-data dari masyarakat dan daripada itu dibina teori sosiologi, tetapi keadaan ini berbeza dengan kajian ilmiah Islam yang tidak mengambil data-data daripada masyarakat Muslim untuk membina teori sosiologi, tetapi ia diambil dari ajaran Islam (al-Qur'an dan Hadis).<sup>19</sup> Kemudian ajaran itu diijtihadkan dan terbentuklah teori sosiologi.

---

<sup>18</sup>Sidi Gazalba, *Islam dan Perubahan Sosio-budaya*, Kuala Lumpur 1983, h. 24.

<sup>19</sup>*Ibid.*

Sehubungan dengan ini adalah sesuatu yang agak janggal apabila pendekatan sosiologi Barat, yang berasaskan kepada tanggapan dan kesimpulan penyelidikan yang asing terhadap realiti sosial masyarakat bukan Barat digunakan kepada masyarakat muslim. Apatah lagi pengkajian yang sistematik tentang Islam diabaikan dalam sosiologi Barat.<sup>20</sup> Malah menurut Ilyas Ba-Yunus, secara umumnya ahli-ahli sosiologi Barat bukan hanya tidak mengendahkan Islam, sebagai satu unit analisis, malah dalam hal-hal tertentu, mereka masih mempunyai pendekatan yang tidak tetap terhadap Islam.<sup>21</sup>

### Pemikiran Sosiologi Islam

Dr. Abdul Hamid Lutfi (1966)<sup>22</sup> mengatakan penyebaran Islam turut sama menyebarkan prinsip dan pandangan sosiologi seperti yang terdapat dalam al-Qur'an dan Hadith. Banyak ayat-ayat membincangkan sistem-sistem sosial seperti institusi keluarga, perkahwinan, ekonomi, agama, politik, akhlak, hak milik dan zakat. Malah perbincangan selanjutnya sepanjang sejarah pemikiran Islam turut membincang apa itu kebaikan, keburukan, keadilan, hubungan manusia dengan Tuhan dan hubungan manusia sesama manusia.

Kalau mahu disenaraikan tokoh Islam sebelum Comte, sekurang-kurang dua nama boleh ditonjol iaitu al-Farabi (870-950 M.) dan Ibn Khaldun (1332-1406 M.) merupakan dua tokoh yang banyak membincangkan pemikiran sosial ini.

Al-Farabi dengan bukunya *Ara' Ahl-al-Madinah al-Fadilah* membincang persoalan falsafah, politik dan sosial. Di mana antara lain, beliau menyebut keperluan manusia kepada perkumpulan dan bekerjasama serta kesan keperluan ini dalam perkembangan masyarakat manusia. Beliau

---

<sup>20</sup>Ilyas Ba-Yunus, *op.cit.*, h. 30.

<sup>21</sup>*Ibid.* h. 31.

<sup>22</sup>Lutfi, Abdul Hamid, *op.cit.*, h. 240-245.

sebenarnya mengulangi kata-kata Aristotle bahawa manusia itu adalah makhluk sosial. Dalam hubungan ini katanya:

*Setiap seorang manusia itu dijadikan berhajat kepada banyak perkara bagi mencapai kesempurnaan hidup. Malah memerlukan satu-satu kaum mengadakan keperluannya. Jadi ini semua hanya tercapai dengan perkumpulan-perkumpulan kelompok manusia yang bantu-membantu.<sup>23</sup>*

Sementara Ibn Khaldun yang dianggap pelopor sebenar kepada pengajian sosiologi di dunia memang telah melihat sudut-sudut positif dalam pemerhatian beliau terhadap segala fenomena. Beliau berusaha menemukan hukum-hukum tertentu terhadap fenomena yang berulangkali berlaku.

Kajian Ibn Khaldun terhadap sejarah dunia dan apa yang berlaku di dunia Islam khususnya memberikan kepadanya satu natijah, bahawa segala peristiwa yang berlaku yang berupa fenomena sosial mengikut kaedah yang tetap sama seperti fenomena-fenomena lain yang tunduk kepada hukum yang tetap. Lalu tidaklah keterlaluan kalau dikatakan kajian Ibn Khaldun ini menjadi cetusan idea sarjana Barat 400 tahun selepas itu untuk mengkaji fenomena sosial yang menjadi subjek kajian sosiologi.

Walaupun tidak dinafikan mungkin beberapa perkara daripada isi bukunya *Muqaddimah* terdapat fakta-fakta yang mengelirukan, tetapi pemikiran beliau tidak dinafikan bersifat ilmiah. Umpamanya fasal keempat dari Bab Pertama kitab beliau yang terkenal itu mengatakan, kepanasan negeri Sudan menjadikan orang-orangnya lincah, berbeza dengan orang Morocco yang udaranya lebih sejuk penduduknya dalam keadaan bersedih dan terlalu berhati-hati sampai menyimpan bekalan makanan untuk dua tahun. Sedangkan orang Sudan langsung tidak menyimpan makanan hatta untuk besok harinya.

<sup>23</sup> Al-Farabi, Abu Nasr, *Ara' Ahl-al-Madinah al-Fadilah*, Tahqiq: 'Azir, Nasr (Dr), Beirut, 1959, h. 96.

Apa yang penting ingin dikemukakan, Ibn Khaldun mampu mengeluarkan satu hukum tabi'i terhadap pergerakan masyarakat dari pertumbuhan kemajuan hingga kemerosotan atau apa yang selalu dihurai oleh Malik Bin Nabi, sebagai perkembangan tiga tahap (generasi): pertumbuhan dan pembentukan, kematangan dan kesempurnaan, akhirnya tua dan lenyap. Teori ini dipakai oleh beliau ke atas semua tamadun masyarakat manusia.

Beliau menghubungkan umur sesebuah negara dengan umur individu. Katanya:

*Usia individu menurut ahli perubatan ialah 40 tahun. Sesebuah negara tidak boleh lanjut lebih dari tiga generasi.*

Alasan beliau, generasi pertama masih dalam keadaan badawi primitif dengan segala kekasaran dan mempunyai rasa hidup bersama. Jadi mereka mampu mengalahkan orang lain. Sementara generasi kedua katanya, telah berubah kepada kemewahan. Dari hidup kebersamaan bertukar menjadi individualistik. Sebahagian dari mereka malas dan menganggur. Solidaritas kabilah sudah luntur. Pendek kata tidak lagi sehebat generasi awal. Manakala generasi ketiga sudah lupa kepada kehidupan badwin dan mereka telah lupa sama sekali kepada solidaritas kaum. Kemewahan pula sudah sampai ke kemuncak dan menjadi orang yang tidak lagi mampu hatta dari mempertahankan diri sebarang ancaman. Mereka menjadi pengecut, tidak lagi berani seperti generasi kedua, apalagi generasi pertama. Ketika itu negara memerlukan orang-orang upahan membangun dan mempertahankan negara mereka... akhirnya mereka jadi hancur.

Kecenderungan Ibn Khaldun apabila membincangkan kitab *Muqaddimah* yang mengandungi enam bab itu kepada beberapa teori sosiologi yang penting. Bab pertama: Pembangunan umat manusia yang disifat oleh beliau perlu kepada perkumpulan, geografi, dan kesan perubahan geografi terhadap psikologi masyarakat, malah mempengaruhi bentuk badan/fizikal dan kegiatan tamadunnya. Bab tersebut bolehlah

dianggap sebagai latarbelakang kepada seluruh penulisan beliau dalam buku tersebut.

Apa yang dikritik oleh penulis moden seperti Dr. Imad al-Din Khalil (1985) bab ini Ibn Khaldun hanya sekadar mengumpul bahan dan menyelaraskan data-data. Hal yang sama dilakukan dalam bab-bab ketiga, kelima dan keenam. Malah dalam bab pertama juga beliau seolah-olah keluar dari tajuk perbincangan beberapa puluh muka surat, apabila secara panjang lebar membincang perkara yang berhubung dengan alam ghaib, wahyu, mimpi dan lain-lain... yang mungkin itu semua sesuai ditempatkan pada bab-bab lain.<sup>24</sup>

Pada bab kedua di bawah tajuk (pembangunan Badwin, umat Badwin dan Barbarian) beliau mengemukakan metod beliau dalam menanggapi (tasawur) pergerakan sejarah bagi masyarakat manusia. Perbincangan menyentuh dari permulaan tahap Badwin sehingga mencapai tamdun. Beliau turut mengemukakan beberapa pandangan yang amat bernilai dan hukum-hukum yang mendalam bagi sejarah badwin. Antara lain kaedah yang dikemukakan oleh Ibn Khaldun ialah (desa lebih awal dari bandar), (desa menjadi asas pembangunan dan perbandaran), (desa lebih dekat kepada kebijakan berbanding dengan penduduk kota), (penduduk desa lebih kuat sifat solidaritas kaum dari penduduk bandar), dan...<sup>25</sup>

Dalam bab ketiga pula, Ibn Khaldun mengidentifikasi perjalanan masyarakat manusia hingga terbentuknya negara (daulah). Di mana katanya, apabila cukup segala syarat dan keperluan terpenuhi, terbentuklah negara. Justeru, tidak keterlaluan kalau kita mengkaji pandangan ahli falsafah Barat seperti Oswald Spengler dan Arnold Toynbee, mereka amat terpengaruh dengan teori-teori Ibn Khaldun, malah Toynbee secara terus-terang menunjukkan rasa kagum dengan kemampuan Ibn Khaldun.<sup>26</sup>

<sup>24</sup>Khalil, Imad al-Din, (Dr), *Ibn Khaldun Islamiyyan*, cet. II, al-Maktab al-Islami, Beirut, 1985, h. 20.

<sup>25</sup>Keterangan lanjut lihat, *Ibid.*, h. 21 - 22.

<sup>26</sup>*Ibid.*, h. 23

Ibn Khaldun yang cukup percaya kepada solidaritas kaum ('asabiah) sebagai satu faktor yang menentukan kejayaan terbentuknya kekuasaan dan negara. Bab ketiga bukunya itu juga mendapati (apabila negara mantap mungkin tidak lagi perlu kepada ('asabiah). Walau bagaimanapun unsur agama dianggap lebih besar peranannya. (Agama menjadi asas pembentukan negara) katanya lagi, tanpa mengira agama kenabian, atau agama yang diperkenalkan oleh seruan ke arah kebenaran.

Ibn Khaldun memandang faktor agama dan '*asabiah*' akan memperkuatkan negara. Agama tanpa '*asabiah*' tidak akan sempurna. Kekuatan sesebuah negara pula ditentukan oleh kawasan dan bilangan rakyatnya. Mengenai pemerintah pula, Ibn Khaldun mengatakan tabi'at pemerintah atau raja ialah suka berboros. Malah lebih cenderung untuk relaks. Apabila ini terjadi dan cenderung pula pemerintah kepada kediktatoran, itulah tanda-tanda ketuaan sudah menimpai negara tersebut.<sup>27</sup>

Bab ketiga yang mengguna halaman muka surat sampai 150 itu banyak membincang isu-isu kenegaraan, sama ada usia, perniagaan yang dijalankan oleh kerajaan memudaratkan rakyat dan percukaian. Kezaliman pemerintah menandakan tanda-tanda kehancuran pembangunan, malah banyak isu-isu lain lagi.

Bab keempat pula merupakan pembicaraan bab ketiga yang masih membincangkan hal-hal kenegaraan dan menumpukan kepada soal bandar sebagai pusat tamadun. Apa hubungan antara kota dan negara, serta dibincangkan situasi sejarah dan undang-undang yang membentuk kewujudan bandar-bandar, pertumbuhannya, kemelesetan dan kemundurannya.<sup>28</sup> Bab keempat ini jelas kecendikiawanan Ibn Khaldun dengan analisis dan kesimpulan yang mendalam. Sementara itu perbincangan beliau beralih kepada isu ekonomi dalam bab kelima. Beliau membincangkan tentang pendapatan dan berbagai isu mengenai pekerjaan.

<sup>27</sup> *Ibid.*, lihat sama, Ibn Khaldun, *op.cit.*

<sup>28</sup> *Ibid.* h. 24-25.

Turut dibincangkan nilai harga, penawaran, permintaan, hubungkait antara kuasa dan pekerjaan. Lebih mengagumkan apabila beliau membincang persoalan hakikat rezeki dan pekerjaan sebagai nilai usaha manusia, pangkat mendatangkan hartabenda, kebahagiaan dan pekerjaan yang biasanya menjadi milik golongan tukang bodek. Sebaliknya pekerjaan dalam urusan agama, kadi, mufti, guru dan sebagainya tidak mendatangkan kekayaan, biasanya.<sup>29</sup> Bab kelima ini dibincang lagi tentang pertanian, perniagaan, import-eksport, monopoli, inflasi, kraftangan dan banyak lagi.

Sementara bab terakhir iaitu bab keenam, Ibn Khaldun menumpukan kepada tajuk-tajuk ilmu dan pengajarannya. Malah jauh dibincang teori ilmu (epistemologi), ilmu pedagogi, pengajaran sebagai satu profesi, perkembangan ilmu sebagai satu tanda tamadun. Beliau turut membincangkan lagi ahli-ahli akademik sebagai golongan yang jauh dari medan politik dan katanya lagi, ahli-ahli ilmu ini lebih banyak dari kalangan mereka yang bukan berbangsa Arab.<sup>30</sup>

Dari kenyataan yang diberikan ternyata pemikiran Islam di bidang sosiologi lebih 400 tahun mendahului sosiologi Barat, tetapi sayangnya, teori-teori Ibn Khaldun ditinggal begitu sahaja dan zaman selepas Ibn Khaldun menjadi mandul dari kemunculan tokoh besar di dunia Islam sehingga lahir kembali tokoh-tokoh seperti Bashrat Ali, Ali Shari'ati, Malik Bin Nabi dan seumpamanya. Mereka merasakan Islam mesti diperkenalkan sebagai alternatif kepada pemikiran Barat, lalu mereka berusaha memperkenalkan disiplin sosiologi di negara-negara umat Islam dan mensosioligikan beberapa konsep Islam seperti *tauhid*, *shirk*, *al-Nas*, *Sunnah Allah* dan lain-lain.

Kini sosiologi Islam menjadi satu bidang kajian sosiologi perbandingan dan satu sudut yang berkembang dalam bidang sosiologi.

---

<sup>29</sup> *Ibid.* h. 26.

<sup>30</sup> *Ibid.* h. 28.